

## Bekalan keperluan asas mencukupi, KPDNHEP pantau semua premis

2020-03-23T14:22:46+08:00  
oleh Agnes Tugong



**Mohd Hanizam Kecek**

**KUCHING:** Bekalan keperluan makanan asas mencukupi dan masih boleh didapati di pasaran sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (MCO) ini.

Ketua Pegawai Penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Sarawak, Mohd Hanizam Kecek berkata pemantauan telah dijalankan ke atas semua premis.

Ia melibatkan premis menjual barangan keperluan asas terutamanya di peringkat pemborong utama, pasaraya, pasar mini, farmasi dan lain-lain premis perniagaan, katanya.

"Dalam tempoh lima hari sejak MCO dilaksanakan, pihak kami mendapati bekalan keperluan makanan asas seperti gula, minyak masak, tepung dan barangan sedia bungkus masih ada di pasaran dan mencukupi.

"Justeru, pengguna disarankan tidak membuat pembelian panik dan ikut arahan semasa pihak berkuasa dalam tempoh MCO dilaksanakan," ujarnya ketika dihubungi hari ini.

Tambah Hanizam, bagi memastikan bekalan sentiasa mencukupi, pegawai-pegawai penguatkuasa kementerian Sarawak akan bertugas seperti biasa.

Bagaimanapun atas faktor keselamatan dan arahan semasa, bilangan pegawai bertugas dikurangkan kepada 50 peratus mengikut penggiliran jadual yang dibuat.

"Bilik gerakan kami dibuka dari jam 8 pagi hingga 6 petang setiap hari bagi menjawab aduan-aduan pengguna dan peniaga," katanya.

Pasukan pemeriksaan katanya akan menjalankan pemantauan di premis-premis perniagaan dan menyiasat aduan-aduan yang diterima.

Jika terdapat sebarang aduan boleh salurkan kepada bilik gerakan pejabat KPDNHEP Sarawak termasuk di cawangan-cawangan pejabat kementerian.

<https://www.utusanborneo.com.my/2020/03/23/bekalan-keperluan-asas-mencukupi-kpdnhep-pantau-semua-premis>

